# KETUA PENGARAH KERJA RAYA

*DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS*

Rujukan :JKR-KPKR: 121.010/05Jld.15( I )
Tarikh 30 Oktober 2018

**Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR**
**Semua Pengarah Kerja Raya Negeri**
**Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan**
**Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan**
**Pengarah JKR Unit Khas**
**Pengarah JKR KESEDAR**
**Semua Jurutera Daerah**

## SURAT ARAHAN KPKR BIL. 23/ 2018

## PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN GERBANG NILAI JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JKR

---

### 1.0 TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Gerbang Nilai Jabatan Kerja Raya Malaysia dan penguat kuasaan perlaksanaan Gerbang Nilai secara atas talian *(online)* melalui Sistem Kawal dan Lapor (SKALA) bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

### 2.0 LATAR BELAKANG

Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, di bawah Surat Arahan KPKR Bil. 1/2018 Pelaksanaan Gerbang Nilai Untuk Projek Pembangunan Di Bawah Tanggungjawab JKR bertarikh 24 Januari 2018, semua projek bernilai RM500,000.00 dan ke atas **DIWAJIBKAN** melaksanakan Gerbang Nilai.



**Jabatan Kerja Raya Malaysia**
*Public Works Department Malaysia*
Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 https://www.jkr.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERTIFIED TO ISO 14001:2004 CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007 CERTIFIED TO ISO 50001:2011

**3.0 PELAKSANAAN SISTEM GERBANG NILAI**

3.1 Pengurus Program/ Pengurus Projek adalah bertanggungjawab membuat keputusan mengikut peringkat kitar hayat projek sama ada untuk diteruskan atau sebaliknya berdasarkan laporan penilaian Gerbang Nilai yang dijana melalui sistem SKALA.

**4.0 TATACARA PELAKSANAAN GERBANG NILAI**

4.1 Gerbang Nilai dilaksanakan berdasarkan kepada proses yang terkandung dalam Garis Panduan Pelaksanaan Gerbang Nilai Jabatan Kerja Raya Malaysia.

4.2 Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Gerbang Nilai Jabatan Kerja Raya Malaysia ini hanya meminda perenggan 4.1 dan 4.2 Surat Arahan KPKR Bil. 1/2018 Pelaksanaan Gerbang Nilai Untuk Projek Pembangunan Di Bawah Tanggungjawab JKR.

4.3 Dokumen Garis Panduan Pelaksanaan Gerbang Nilai Jabatan Kerja Raya Malaysia boleh diakses melalui laman web JKR melalui http://jpedia.jkr.gov.my/index.php/Guides_and_Standards#Garis_Panduan_Pelaksanaan_Gerbang_Nilai_Jabatan_Kerja_Raya_Malaysia dan https://www.jkr.gov.my/spb/ .Sebarang pindaan atau perubahan kepada dokumen ini akan dikemas kini dalam laman web berkenaan.

4.4 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Kanan
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)
Ibu Pejabat JKR Malaysia Tingkat 28,
Menara PJD No.50, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p. : Unit Amalan Terbaik, Bahagian Pengurusan Projek Kompleks)
Tel : *03-26187504/7500/7638*
Faks : 03-4041 1940

Rujukan :JKR-KPKR: 121.010/05Jld.15( 1 )
Tarikh 3 Oktober 2018

**5.0 KUAT KUASA**

5.1 Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya ditandatangani dan hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Arahan KPKR Bil.1/2018 bertarikh 24 Januari 2018.

5.2 Surat Arahan ini akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukannya dikaji semula atau dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)**

Rujukan :JKR-KPKR: 121.010/05Jld. ( 1 )
Tarikh :30 Oktober 2018

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat